

Kegiatan sulit cuba gagalkan undang2 Islam

OLEH JAMALUDDIN HASHIM

Dibawa dari luar negeri — Tuanku Sultan

KUAH (Langkawi) 3 Sept. — Sultan Kedah bertitah bahawa terdapat pergerakan-pergerakan sulit dari luar negeri yang cuba menggagalkan usaha negara "kita untuk melaksanakan undang-undang Islam."
"Pergerakan-pergerakan tersebut sentiasa mengikut arus perkembangan Islam di merata-rata negara Islam khususnya di tanahair kita."
Menurut Tuanku Sultan, pergerakan ini mempunyai berbagai rancangan yang sengaja diatur bagi menggagalkan usaha "kita itu, di mana salah satu darinya ialah menimbulkan ajaran-ajaran salah."
Tuanku Sultan Kedah bertitah demikian di upacara perasmian seminar ketua-ketua Jabatan Agama Islam Malaysia di Langkawi Country Club (LCC) di sini pagi ini.
Seterusnya baginda menyebut bahawa pergerakan-pergerakan sulit ini telah bertindak membuat seketan-seketan dan halangan-halangan dengan memberi ilham kepada agen-agen mereka di dalam negeri ini supaya menimbulkan masalah yang boleh menjejaskan perkembangan Islam di sini.
"Sebagai bukti ialah dengan wujudnya berbagai

Koperasi nelayan perlukan 60,000 gelen diesel utk menangkap ikan

KUALA TREN-
GANU 3 Sept. — Ahli-ahli Koperasi Nelayan Daerah Kuala Trengganu sekarang masih lagi memerlukan sekurang-kurangnya antara 50,000 hingga 60,000 gelen minyak diesel bagi keperluan mereka menangkap ikan.

Sumber-sumber rapat Majuikan memberitahu Utusan Malaysia pada masa sekarang pihaknya hanya menerima bekalan kuota sebanyak kira-kira 38,000 gelen minyak diesel dari sebuah depo pembekal minyak di sini. Sepatutnya, tambah sumber itu lagi, bekalan kuota yang sebenar digunakan oleh para nelayan yang menjadi ahli koperasi nelayan tersebut ialah kira-kira 98,000 gelen sebulan.

Sumber itu menambah, disebabkan keadaan tersebut, para nelayan yang menjadi ahli koperasi nelayan di sini masih lagi mengalami kekurangan bagi mendapatkan bahan tersebut sebagaimana yang sepatutnya. "Bagi mengatasi keadaan tersebut, nelayan berkenaan terpaksa mengambil keputusan turun ke laut secara bergilir-gilir," tambah sumber itu lagi.

Utusan Malaysia difahamkan, sungguhpun terpaksa mengalami sedikit kesulitan, sekurang-kurangnya "para nelayan berkenaan masih dapat juga turun ke laut tidak seperti beberapa bulan lalu, kami langsung tidak dapat ke laut disebabkan ketiadaan bekalan minyak," kata beberapa orang nelayan.

Sumber Majuikan berkata bahawa pihaknya akan terus berusaha seberapa yang boleh bagi mendapatkan jasa baik depo berkenaan pada memenuhi kadar kuota yang sepatutnya dibekalkan kepada para nelayan berkenaan. Menyentuh tentang harga baru diesel, sumber itu menyebut bahawa kebanyakan ahli koperasi nelayan dapat membeli bekalan minyak

RISDA sedang laksana projek 'Mini Estate' di Padang Rengas

LENGGONG, 3 Sept.

— Pihak RISDA sedang melaksanakan projek "Mini estate" di tiga buah kampung di kawasan Parlimen Padang Rengas meliputi kawasan seluas seribu ekar. Kerja-kerja melaksanakan projek tersebut sedang berjalan dengan baik pada peringkat awal, iaitu menebang dan membuat teres.

Ahli Parlimen Padang Rengas, Encik Omar bin Haji Ismail memberitahu, kampung tersebut ialah Durian Bubuk, Batu Reng dan Padang Bala.

Kawasan projek itu ialah tanah-tanah yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil yang pokok-pokok getah mereka telah tidak mengeluarkan hasil lagi dan pihak RISDA memulihkannya. Beliau juga memberitahu, kerajaan melalui RISDA telah berjaya menubuhkan beberapa buah pusat pembangunan pekebun-pekebun kecil di daerah ini dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi rakyat luar bandar.

Sementara itu, di dalam satu tinjauan Utusan Malaysia mendapati, sebilangan besar nelayan di negeri ini dapat turun ke laut seperti biasa. Ini termasuk nelayan persendirian yang bukan menjadi ahli koperasi nelayan.

"Hal ini berlaku sebaik-baik saja kerajaan mengumumkan kenaikan kadar harga baru minyak diesel baru-baru ini," kata beberapa orang nelayan sewaktu di temu.

Beberapa orang nelayan yang menjadi ahli koperasi nelayan di sini sewaktu ditemui pula berkata, walaupun bekalan yang sepatutnya masih tidak mencukupi, "tapi masalah itu dapat kami atasi dengan cara turun ke laut secara bergilir-gilir."

anjurkan penubuhan koperasi RISDA dan biasanya, untuk anak-anak ahli di bidang pelajaran.

Beliau menambah, bagi memajukan PPPK anjuran RISDA ini ialah bergantung kepada keyakinan masyarakat sendiri, untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka dari masa ke masa.

Beliau berharap mana-mana kampung yang masih belum menubuhkan pusat pembangunan pekebun-pekebun kecil (PPPK) ini supaya berusaha ke arah penubuhannya demi untuk kebaikan pekebun-pekebun sendiri di bidang ekonomi.

Rahman seru Melayu sokong menyokong

KUCHING, 3 Sept. — Ketua Menteri Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakob malam tadi menyeru orang Melayu supaya bersatu dan menyokong antara satu sama lain dan bukan merendahkan serta merosakkan.

Berucap dalam majlis jamuan Hari Raya anjuran Persatuan Melayu Sarawak beliau berkata adalah silap bagi mereka mempunyai perasaan irih hati di kalangan mereka.

Beliau berkata mereka yang berjaya jangleh sombong tetapi patut memberi bantuan kepada yang lain.

Mereka juga diangkat supaya jangleh menjadi alat kepada mereka yang cuba merosakkan masyarakat sendiri.

Sementara itu ketika berucap merasmikan sebuah janakuasa baru di Song dalam Bahagian Ketujuh beliau berkata cadangan membina sebuah jalan utama kedua menghubungkan Kuching dan Limbun akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Kementerian akan kaji aspek kebajikan kanak2

IPOH, 3 Sept. — Kementerian Kebajikan Am akan mengkaji beberapa aspek kebajikan kanak-kanak, termasuk buruh kanak-kanak demi kebaikan masa depan mereka.

Menteri berkenaan, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani berkata, selepas dikaji, pihaknya akan mengemukakan kepada Kementerian Buruh berhubung dengan masalah buruh kanak-kanak untuk tindakan selanjutnya.

dihadapkan ke mahkamah telah dipinda.

Dalam pindaan yang dilakukan itu, katanya, sekarang hanya kanak-kanak yang berumur 10 tahun sahaja yang boleh dihadapkan ke mahkamah kanak-kanak.

Datin Paduka Hajah Aishah berkata, adalah tidak adil untuk kita menyeret kanak-kanak ke bawah 10 tahun ke mahkamah, sekiranya mereka diberkas kerana menური umpamanya memandangkan perbuatan yang mereka lakukan itu adalah sememangnya perangai budak-budak.

Beliau menjelaskan, kanak-kanak yang menური itu bukanlah kerana mereka gemar menური, tetapi mereka sendiri tidak mengetahui apa yang mereka lakukan itu.

"Datin Paduka Hajah Aishah yang juga Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia selanjutnya, berkata bahawa kanak-kanaklah merupakan pelaburan yang paling berharga.

Menurut beliau, sekiranya kanak-kanak terus dibiarkan tanpa perhatian tentulah negara kita akan dipenuhi dengan anak-anak yang tidak berdisiplin dan akibatnya negara dipenuhi dengan manusia yang tidak bertanggungjawab kelak.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Jabatan Kemajuan Bangi)

KEDAI-KEDAI UNTUK DISEWA SECARA TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa untuk menyewa 2 unit kedai jenis satu tingkat di Peringkat 1 Bandar Baru Bangi. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang bercadang menjalankan perniagaan berikut:

JAHTAN, ALAT-ALAT LEKTRIK, BUKU/ALATULIS DAN MAKANAN.

Borang tawaran boleh didapati pada waktu kerja di Jabatan Kemajuan Bangi, Batu 13½, Jalan Cheras, Kajang. Tawaran akan ditutup pada jam 12.00 tengahari 17hb. September, 1979. Serahan tawaran hendaklah dibuat di Pejabat yang sama.

Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

LEMBAGA PELABUHAN KELANG
KELAYAKAN AWAL-PENAWAR

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berkelulusan dan berpengalaman untuk pembinaan 2,100 kaki Dermaga Kargo Am/Kontena di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Kelang.

Kerja-kerja yang akan dijalankan termasuklah pembinaan jambatan-jambatan yang menghubungkan Dermaga-dermaga dan jambatan-jambatan tersebut akan dibina dengan menggunakan 'reinforced concrete on piles'.

Kontraktor-kontraktor mestilah berpengalaman dalam pengunaan 'heavy marine piling and of reinforced concrete construction to a high standard'.

Pemohon-pemohon mestilah memberikan butir-butir berikut:—

- Latar belakang syarikat termasuk laporan kewangan yang terakhir yang disahkan.
- Jumlah pekerja mahir dan sepehr mahir termasuk kelulusan dan pengalaman mereka.
- Senarai dan butir-butir kerja yang sama dan baharu dijalankan dengan memberikan keterangan yang ringkas dan memberikan nama dan alamat jurutera-jurutera dan pelanggan-pelanggan untuk dibuat rujukkan.
- Jenis dan bilangan jentera dan alat-alat kelengkapan yang terdapat di syarikat tersebut.
- Nama dan alamat-alamat bagi tujuan rujukkan kewangan.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan kepada Ketua Pengarah, Lembaga Pelabuhan Kelang tidak lewat daripada 3.10.1979 jam 2.30 petang.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Jabatan Kemajuan Bangi)

KEDAI-KEDAI UNTUK DISEWA SECARA TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa untuk menyewa 2 unit kedai jenis satu tingkat di Peringkat 1 Bandar Baru Bangi. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang bercadang menjalankan perniagaan berikut:

JAHTAN, ALAT-ALAT LEKTRIK, BUKU/ALATULIS DAN MAKANAN.

Borang tawaran boleh didapati pada waktu kerja di Jabatan Kemajuan Bangi, Batu 13½, Jalan Cheras, Kajang. Tawaran akan ditutup pada jam 12.00 tengahari 17hb. September, 1979. Serahan tawaran hendaklah dibuat di Pejabat yang sama.

Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

COLGATE PALMOLIVE (M) SDN. BHD.

Mempelawa Warganegara Malaysia untuk memohon bagi jawatan-jawatan berikut:

KERANI PERANGKAIAN JUALAN

Calun-calun mesti berkelulusan minima MCE dengan kepujian baik dalam Ilmu Hisab, Pengetahuan menaip pada kelajuan wajar adalah berfaedah.

KERANI KEWANGAN

Calun-calun mesti lulus Bahagian 11 Peperiksaan A.C.A. atau A.C.M.A. Keutamaan diberi kepada mereka yang mempunyai pengalaman bekerja selama 2 tahun atau lebih dalam bidang berkaitan.

Gaji setanding serta faedah sampingan akan diberi kepada calun-calun sesuai.

Para pemohon hendaklah menulis permohonan memberikan keterangan lengkap diri dan nombor telefon serta sekaling gambar ukuran paspot (tidak dikembalikan) supaya sampai dialamat dibawah tidak lewat dari 14 September, 1979.

Pengurus Perjawatan,
Colgate Palmolive (M) Sdn. Bhd.,
Peti Surat 1076,
Kuala Lumpur.

Hanya calun-calun dipertimbangkan akan diberitahu.

Kedah keluar biasiswa pengajian Islam di UKM

ALOR SETAR 3 Sept. — Kerajaan negeri telah mengeluarkan enam biasiswa untuk ijazah pengajian Islam di Universiti Kebangsaan bagi tahun pengajian 1978 dan 79 melalui Yayasan Islam Negeri tiap-tiap satu bernilai \$2,340 setahun.

Sementara dua lagi biasiswa ialah untuk ijazah pengajian Islam Universiti Azhar, Kaherah tiap-tiap satu bernilai \$4,200 setahun.

Ahli Exco Datuk Haji Mohd. Muslim berkata, demikian sebagai menjawab soalannya dari anggota PAS kawasan Kuala Sala Haji Yahya Haji Junid.

Mengenai pemilihan calon-calon bagi mendapatkan biasiswa tersebut, Datuk Haji Mohd. Muslim berkata, kejayaan mereka bergantung kepada kelulusan akademik yang lain pencapaianannya dalam masa temuduga dan kedudukan kewangan keluarga.

Utusan Malaysia difahamkan, sungguhpun terpaksa mengalami sedikit kesulitan, sekurang-kurangnya "para nelayan berkenaan masih dapat juga turun ke laut tidak seperti beberapa bulan lalu, kami langsung tidak dapat ke laut disebabkan ketiadaan bekalan minyak," kata beberapa orang nelayan.

Bekalan air sementara ke Tg. Piandang

PARIT BUNTAR, 3 Sept. — Persiapan sedang diaturnya untuk Lembaga Bekalan Air Pulau Pinang mengadakan bekalan air paip sementara ke kawasan Pantai Tanjung Piandang, lima batu dari sini awal tahun ini.

JABATAN AGAMA CADANG BINA KOMPLEKS ISLAM

GRIP, 3 Sept. — Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perak bercadang mendirikan sebuah kompleks Islam di satu kawasan di Jalan Fonglima Bukit Gantang Ipoh tidak lama lagi.

Komplek tersebut setinggi antara 8 hingga 10 tingkat menelan belanja kira-kira \$10 juta di mana sedang dalam kajian untuk pembinaannya dan dijangka siap dalam tahun 1982 akan datang.

Negeri Perak memberitahu kelmarin, tujuan pembinaan kompleks tersebut ialah bagi meluaskan aktiviti-aktiviti agama Islam di negeri ini sebagai pusat pentadbiran bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri di masa akan datang.

Selain dari kegunaan pejabat dan dewan umum, bangunan itu akan disewakan kepada swasta bagi menambah sumber kewangan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sendiri.

Selamat datang ke ...

Cheng Baru Melaka

PRINGKAT 1 TERBUKA BAGI TEMPAHAN SEKARANG!

Sebuah projek perumahan bertaraf tinggi di kawasan luar bandar yang indah

Inilah peluang keemasan bagi anda memiliki penginapan serba-modern dengan harga yang anda mampu. Direka untuk memberi anda keselesaan yang nyaman lagi sempurna.

PELAN ARAHAN

RUMAH TERES MEZZANINE

RUMAH KEDAI 2 TINGKAT

RUMAH TERES 2 TINGKAT

No. Lesen Pemaju Perumahan: 582/6178 (5)
No. Permit Iklan: 378/78
Jangkaan tarikh siap: Nov. 1980
Pemegang Tanah: Pemegangn Debas Hakmilik persendirian belum didapati

RAYALAND DEVELOPMENT SDN BHD

IBU PEJABAT: 134-A, Jalan Kasah, Damansara Hts., K.L. Tel: 944170, 940214. PEJABAT CAWANGAN: 26-A, Jalan Kubu, Melaka. Tel: 27088.